



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 12/1974**

*Bayaran 'Consolidated Annual Charge' Oleh
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai cara membayar 'consolidated annual charge' yang telah dikutip oleh Pengurus (Manager) daripada peserta-peserta di dalam Kawasan Pembangunan Persekutuan.

2. Di dalam Kawasan Pembangunan Persekutuan, 'consolidated annual charge' bagi sesuatu tanah akan mengandungi bayaran-bayaran yang berikut:

- (a) jumlah bayaran yang dikenakan untuk lemak tanah (premium) cukai tahunan dan lain-lain bayaran yang dimaksudkan oleh seksyen 20(1) Akta (Kawasan Penempatan Beramai-ramai) Tanah, 1960; dan
- (b) jumlah bayaran yang dikenakan untuk wang yang telah dibayar kepada mana-mana peserta, belanja perkhidmatan, harga bahan atau alat dan faedah pinjaman yang dimaksudkan oleh seksyen 20(2) Akta yang sama.

Apabila menetapkan jumlah lemak tanah dan cukai tahunan di bawah seksyen 20(1), Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (L.K.T.P.) adalah menggunakan kadar lemak tanah dan cukai tahunan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan disebutkan di dalam perjanjian di bawah seksyen 34(1). Perjanjian ini juga akan menentukan tarikh memulakan pungutan dan tempoh pungutan itu akan dijalankan.

3. Jumlah 'consolidated annual charge' bagi sesuatu pegangan adalah dicatatkan di dalam Daftar Pegangan 'Borang A' dan juga dalam Rent Roll bagi kutipan mengikut seksyen 21. Walau bagaimanapun peserta di dalam mana-mana rancangan L.K.T.P. tidak akan dikehendaki membayar kesemua jumlah 'consolidated annual charge' itu serta-merta bahkan ia dibolehkan membayarnya dengan ansuran selama 12 bulan. Ansuran bulanan adalah ditolak daripada pendapatan bulannya dan bayaran ini dianggap sebagai pertaruhan terhadap 'consolidated annual charge'. Bagi menjayakan peraturan ini bayaran-bayaran hendaklah dibuat dengan segera iaitu potongan-potongan mesti dibuat. Sekiranya bayaran tersebut dibuat dengan segera, 'consolidated annual charge' untuk sesuatu tahun dapat dipungut dengan sepenuhnya di hujung tahun tersebut; pada ketika ini, bayaran 'consolidated annual charge' sudah pun menjadi tunggakan.

4. Yang demikian, menurut cara-cara mengutip sekarang, 'consolidated annual charge' bagi sesuatu tahun hanya akan dapat dibayar di dalam bulan Disember tahun itu secepatnya ataupun pada tahun yang berikutnya. Pada masa itu L.K.T.P. berupayalah

membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri jumlah 'consolidated annual charge' bagi tanah itu yang mengandungi cukai tahunan, lemak tanah dan lain-lain bayaran.

5. Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan bahawa bayaran 'consolidated annual charge' oleh seseorang peserta di dalam rancangan L.K.T.P. bolehlah diterima pada bila-bila masa

dalam bulan Disember, tahun yang sama ataupun pada tahun yang berikutnya dan masa membayar mungkin menurut sesuatu persetujuan umpamanya pada tiap-tiap tiga bulan sekali.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 252/6-5

Kuala Lumpur,
Jun, 1974.